

BERAMA

## PROF. DATO' WIRA DR. MOHD SALLEH HJ. DIN

### PENOLONG NAIB CANSELOR KEUSAHAWANAN DAN KELESTARIAN KEWANGAN

**1** Sebagai pembuka bicara kita dalam temubual ini, bolehkah Dato' ceritakan mengenai sejarah penubuhan Pejabat Penolong Naib Canselor Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan dan perkembangannya sehingga kini?

Mengenai sejarah penubuhan Pejabat Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian), ia adalah mandat daripada mantan Naib Canselor UniMAP untuk memfokuskan kepada keusahawanan dan kelestarian kewangan di UniMAP yang dikuatkuasakan pada akhir tahun 2016.

Sebelum penubuhan ini, saya ditugaskan oleh UniMAP sebagai Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersian dan Pengurusan Harta Intelek (E-CIP) selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Tinggi di mana setiap universiti awam perlu menubuhkan Pusat Keusahawanan yang bernaung di bawah Pejabat Naib Canselor. Tujuan pusat itu ditubuhkan adalah untuk melahirkan usahawan di kalangan pelajar, membentuk pelajar berminda keusahawanan di samping menjadikan tenaga pengajar UniMAP berkualiti dalam aspek keusahawanan selain membantu komuniti yang memerlukan perkhidmatan keusahawanan.

Bagi mengembangkan lagi ekosistem keusahawanan di UniMAP, mantan Naib Canselor UniMAP mengumumkan perlantikan saya sebagai Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan). Tujuan perlantikan saya ini adalah untuk melihat lebih luas lagi skop keusahawanan yang merangkumi penjanaan pendapatan dan penjimatan kepada UniMAP. Alhamdulillah dengan kerjasama dan dorongan daripada Naib Canselor UniMAP, Pengurusan Tertinggi UniMAP dan semua warga UniMAP kita dapat mewujudkan One Stop Centre, penubuhan Tabung Waqf dan Endowmen untuk Keusahawanan Pelajar, pengiktirafan pengecualian cukai, sumbangan daripada syarikat korporat dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa kita di UniMAP memperoleh kepercayaan daripada seluruh masyarakat di Malaysia.

**2** Selaras dengan autonomi kewangan yang diberikan kepada universiti dalam mengenal pasti peluang dan ruang baru penjanaan kewangan apakah pendekatan yang dilaksanakan UniMAP?

Seperti yang saya maklumkan sebentar tadi, UniMAP telah berjaya menubuhkan One Stop Centre di mana tugas OSC ini adalah untuk menyelaras dan menyeragamkan hal-hal berkaitan dengan penjanaan pendapatan universiti.

Apa yang dimaksudkan dengan penjanaan ini adalah ia memberi galakan kepada staf UniMAP khususnya melibatkan diri membantu UniMAP dengan ilmu dan kapakaran yang mereka miliki untuk menghasilkan pendapatan. Pendapatan ini bukan hanya kepada UniMAP tetapi turut



dirasai oleh Pusat Tanggungjawab masing-masing dan semestinya staf UniMAP juga memperoleh hasilan yang mereka lakukan atau anjurkan sebagai motivasi dan penghargaan atas titik peluh staf dalam membantu UniMAP khasnya untuk kekal berdaya saing. Bentuk penjanaan daripada OSC ini adalah melalui perundingan, konsultansi, penganjuran program dan perkhidmatan pengurusan fasiliti di mana setiap Pusat Tanggungjawab boleh melakukannya. Dengan adanya OSC ini, setiap aktiviti mahupun apa-apa penganjuran dan pengurusan dapat dinikmati oleh semua yang terlibat.

Selain itu, aspek waqf, endowment dan pelaburan merupakan elemen yang sangat mustahak. Ramai orang tidak tahu apa fungsi waqf itu sebenarnya. Ramai orang berkata waqf ini adalah pemberian tanah untuk mewujudkan tanah perkuburan ataupun pembinaan masjid. Ya itu betul tetapi ia hanyalah sebahagian kecil sahaja. Kalau kita melihat lebih mendalam lagi fungsi waqt, ia banyak boleh dilakukan. Sebagai contoh, kolej kediaman mempunyai 4000 orang pelajar yang menetap di sana. Pelajar-pelajar ini selalunya menggunakan air untuk mandi, untuk minum dan sebagainya. Tetapi air yang digunakan itu tidak berapa sesuai lerutamanya jika dibuat sebagai minuman harian kerana air di Perlis mempunyai alkali yang agak tinggi. Bagaimana kita nak kaitkan waqf ini dengan air pula? Untuk mengatasi masalah ini, kita membuka peluang kepada warga UniMAP untuk memberi sumbangan bagi pembelian penapis air untuk kita tempatkan di setiap kolej kediaman sebagai waqf mereka untuk menyumbangkan sesuatu. Jika setiap pelajar menggunakan air, maknanya penapis air itu pun turut berfungsi. Itulah yang dinamakan waqf dan pahala berterusan akan diterima oleh pemberi waqf dan UniMAP adalah dilantik sebagai pentadbir bagi waqf tersebut.



Dalam Islam pun ada menyebut melalui sepotong hadis yang bermaksud, apabila matinya seorang anak Adam itu, terputuslah semua amalannya kecuali 3 perkara iaitu, ilmu yang boleh dimanfaatkan, doa dari anak soleh dan amal jariah yang kita berikan. Ini adalah amal jariah yang patut sangat kita semai dalam diri kita supaya manfaat penggunaannya dapat digunakan sebaik mungkin sebagai bekalan kita nanti. Begitu juga dengan endowment keusahawanan pelajar di mana Pejabat Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan) dalam langkah mengumpulkan wang sebanyak RM1 juta sebagai pokok ataupun teras dalam pelaburan. Melalui pelaburan RM1 juta tersebut, hasil atau dividen yang kita perolehi akan digunakan untuk aktiviti keusahawanan pelajar setelah mendapat perkenaan daripada trust deed atau pemegang amanah tersebut. Dengan itu, aktiviti keusahawanan dalam usaha mewujudkan konsep From Job Seekers to Job Creators dapat dijelmakan dan tidak terhenti jika peruntukan tidak lagi diberikan.

### 3 Dalam usaha memupuk semangat keusahawanan dan kelestarian kewangan di kalangan mahasiswa UniMAP apakah pendekatan atau model yang diperkenalkan kepada mereka?

Usaha memupuk semangat keusahawanan dan kelestarian kewangan di kalangan mahasiswa UniMAP amat mencabar sebenarnya. Kenapa saya berkata begitu? Ini adalah disebabkan minda pelajar UniMAP adalah melanjutkan pengajian di UniMAP dan bergraduasi nanti untuk menjadi jurutera atau pekerja makan gaji. Saya ataupun staf saya diberi peluang untuk memperkenalkan fungsi jabatan kami kepada pelajar Tahun 1 sewaktu Minggu Suai Kenal dan akan bertanya kepada mereka berkaitan isu ini. Apa yang kami lakukan, kami perlu mengubah minda mereka supaya berminda usahawan. Kaedah yang kami lakukan antaranya adalah menjalankan pemetaan kecenderungan keusahawanan pelajar (Student Entrepreneurial Mapping) kepada pelajar Tahun 1 sahaja bagi pihak kami dapat mengesahkan attribute dan intention keusahawanan mereka. Setelah peroleh infomasi pelajar tersebut, kami akan merangka aktiviti pembangunan keusahawanan pelajar berdasarkan Job Creator Framework.

Melalui Job Creator Framework, ia dibahagikan kepada beberapa fasa iaitu pembudayaan keusahawanan (enculture), pemantapan keusahawanan (empower) dan pengukuhan keusahawanan (equip).

Pembudayaan keusahawanan ini adalah berbentuk seminar keusahawan, festival keusahawanan, taklimat keusahawanan atau forum keusahawan di mana ia adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan keusahawanan kepada pelajar memahami peranan keusahawanan itu sendiri. Apabila memahami peranan keusahawanan, pelajar akan memasuki fasa pemantapan keusahawanan yang mana bengkel atau kursus keusahawanan yang berteraskan latihan secara praktikal (hands on experience) akan dipelajari oleh pelajar sebagai proses kesediaan untuk menjadi usahawan. Di fasa terakhir iaitu pengukuhan keusahawanan, pelajar akan diberi peluang menjadi

usahawan melalui geran, skim mahupun pinjaman melalui pelbagai agensi seperti TEKUN, TERAU, SME Bank, PUNB, MARA, INSKEN, MTDC dan pelbagai lagi agensi yang menawarkan perkhidmatan ini. Ini adalah langkah sebagai pengukuhan mereka dalam mengembangkan perniagaan yang mereka usahakan untuk terus kekal bertahan dalam menempuh arus dan cabaran keusahawanan.

Sebenarnya di UniMAP melalui Pejabat Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan), kami amat menggalakkan pelajar menceburi bidang keusahawanan. Ini dibuktikan dengan penyediaan fasiliti (ruang niaga) keusahawanan kepada pelajar samada mereka ingin menjadi usahawan runcit, usahawan pertanian, usahawan atas talian, usahawan konsultansi dan lain-lain lagi bidang keusahawanan. Fasiliti yang dimaksudkan adalah lot tapak niaga, lot rumah hijau, kiosk dan ruang aquaculture.

### 4 Mohon perkongsian medium yang digunakan Pejabat Penolong Naib Canselor Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan bagi mencari dana untuk Universiti.

Bagi pencarian dana di UniMAP, kita menggunakan pendekatan tokoh-tokoh dan organisasi korporat untuk memberi sumbangan kepada UniMAP. Tetapi kita harus peka yang pihak pemberi sumbangan pun inginkan sesuatu daripada UniMAP. Apa yang kita tawarkan adalah pelepasan cukai kepada mereka samada single deduction ataupun double deduction (jika ia berkaitan dengan penyelidikan). Melalui pelepasan cukai yang ditawarkan oleh UniMAP, ia mampu menarik minat pemberi sumbangan dari golongan tokoh-tokoh dan organisasi korporat. Ini adalah kaedah situasi menang-menang yang patut diamalkan oleh kedua-dua pihak.

Selain itu, UniMAP melalui pejabat saya telah menetapkan Key Performance Index Penjanaan Kewangan bagi setiap PTJ di UniMAP untuk keterlibatan dalam penglibatan penjanaan kewangan di UniMAP melalui kaedah One Stop Centre.

### 5 Saya pasti setiap kali bermulanya satu tahun yang baharu, setiap unit dan jabatan di UniMAP akan merangka aktiviti - aktiviti yang mengisi jadual pergerakan tahunannya. Jadi, apakah aktiviti - aktiviti yang dirangka oleh Pejabat Penolong Naib Canselor Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan sepanjang tahun.

Sepanjang tahun, saya telah menetapkan staf saya untuk merangka perancangan bagi tempoh setahun di mana pejabat saya mempunyai 2 (dua) Key Performance Index (KPI) yang perlu disasarkan iaitu KPI dari Unit Keusahawanan dan PPRN, Kementerian Pendidikan Tinggi dan KPI daripada UniMAP agar sasaran yang ditetapkan dapat mencapai perolehan. Bagi unit keusahawanan, aktiviti yang bercorakkan keusahawanan dilaksanakan mengikut Job Creators Framework dengan melalui fasa Enculture, Empower dan Equip. Fasa enculture atau pembudayaan keusahawanan adalah pendedahan keusahawanan kepada pelajar seperti Minggu Suai Kenal (MSK),

... bersambung di halaman 19

*... sambungan dari halaman 11*

Seminar, Taklimat dan Pameran sebagai tujuan untuk memahami konsep keusahawanan yang perlu diterapkan sebelum menjadi usahawan. Fasa empower pula untuk memantap dan memperkemaskan diri sebagai seorang usahawan dengan mempraktikkan ilmu keusahawanan yang dipelajari sambil dipantau oleh mentor keusahawanan yang dilantik sebagai panduan. Antara kursus yang kami anjurkan sebagai proses pemantapan keusahawanan adalah Online Business for UniMAP Students di mana pelajar dilatih untuk menjalankan urusniaga melalui perniagaan atas talian, Social Innovation for Poverty Eradication@MYHE (Aquapreneurs) adalah kursus yang ditawarkan kepada pelajar kategori B40 untuk menjadi usahawan aqua dengan menggunakan teknologi dan kapakaran di UniMAP.

Bagi fasa terakhir iaitu fasa equip, banyak tawaran daripada agensi-agensi untuk membantu usahawan di kalangan pelajar mengembangkan perniagaan mereka disamping turut dipantau oleh business coach di bawah agensi tersebut untuk mengukuhkan perniagaan mereka di arus keusahawanan. Antara agensi yang kerap menawarkan perkhidmatan dan bantuan mereka adalah PUNB, TERAJU, TEKUN, SUPERB, Ministry of Agriculture, INSKEN, SME Bank, MARA, PNS dan MITI.

## **6 Setakat hari ini, apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh Dato' dan kakitangan Pejabat Penolong Naib Canselor Kousaliawanan dan Kelestarian Kewangan dalam melaksanakan tugas – tugas yang diamanahkan?**

Cabarannya yang kami hadapi ini banyak tetapi kita kena anggap cabaran itu adalah kemajuan untuk kita mencapai sesuatu kepuasan. Bagi aspek keusahawanan, pengubahan minda makan gaji ke minda keusahawanan antara yang kami hadapi. Seperti yang saya terangkan sebelum ini, kebanyakan pelajar yang menuntut di UniMAP ingin mendapat pekerjaan dan makan gaji. Tidak salah sebenarnya untuk makan gaji tetapi perlu berminda usahawan dalam aspek pekerjaan supaya negara kita akan maju. Apabila pelajar berminda usahawan barulah ekosistem keusahawanan di UniMAP dapat dijelaskan kerana melalui ekosistem ini, semangat dan kecenderungan keusahawanan di UniMAP dapat disemai sebaiknya.

Kami juga tidak mempunyai peruntukan keusahawanan daripada UniMAP sebaliknya perlu mencari sumber luar (outsources) untuk menjayakan aktiviti keusahawanan kerana KPI perlu dicapai apabila sasaran tahun diberi oleh KPT dan UniMAP. Pihak kami perlu menyakinkan sumber luar untuk memberi dana dan ia bukan suatu

tugas yang mudah bagi memperolehi dana. Apabila kami memperolehi dana, kekangan yang staf saya selalu bangkitkan adalah kesesuaian waktu bagi pelaksanaan aktiviti keusahawanan tanpa mengganggu rutin pembelajaran pelajar tetapi matlamat melahirkan usahawan di kalangan pelajar harus dicapai. Itulah perlunya seseorang berminda usahawan dalam menempuh cabaran-cabaran keusahawanan.

Kelestarian kewangan pulak, turut ada cabarannya. Cabaran yang Pejabat Penolong Naib Canselor (Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan) hadapi sekarang adalah kebergantungan sepenuhnya kepada pejabat saya dalam mencari dana dan sumbangan kepada UniMAP. Sebenarnya, kebergantungan itu perlu akan tetapi pihak kami akan membantu dalam mencapai kata putus atau jalan ke arah kelestarian kewangan. Saya amat berharap ketua jabatan perlu mengambil inisiatif terhadap penjanaan kewangan ini kerana ini dapat menjalinkan hubungan dengan syarikat korporat atau mana-mana pemberi sumbangan di samping menambah hubungan dengan industri yang lain untuk kebaikan bersama. Ini selaras juga dengan hasrat KPT dalam menjayakan Industry Revolution 4.0.

Selain itu, pendekatan untuk mendapatkan jalinan dan sumbangan tokoh-tokoh korporat lain dan badan organisasi korporat amat sukar. Banyak peluang-peluang yang boleh diterokai oleh UniMAP tetapi sekarang, kita hanya menggunakan peluang berdasarkan kenalan semata-mata. Kita mampu bergerak lebih jauh jika semua pihak mampu memberi kerjasama. Tiada yang mustahil dalam dunia ini jika kita tahu caranya.